

15/06/1998

Kerjasama Pusat, Kelantan perlu ditingkat

KOTA BHARU, Ahad - Tahap kerjasama antara pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan perlu ditingkatkan bagi memastikan segala projek pembangunan untuk faedah rakyat berjalan lancar dan tidak menimbulkan sebarang masalah.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata pihaknya berharap kerjasama dua hala itu akan dapat diteruskan pada masa depan.

Menurutnya, beliau bagaimanapun berpuas hati dengan pelaksanaan pelbagai projek Persekutuan di negeri ini yang berjalan lancar tanpa gangguan.

"Dari segi kelancarannya, saya diberitahu mengenai projek Persekutuan di negeri ini berjalan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira setengah jam dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Beliau kemudiannya mendengar taklimat tertutup mengenai perkembangan kemajuan dan pembangunan Kelantan yang disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud.

Hadir sama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Abdul Halim berkata, pertemuan beliau dengan Menteri Besar itu adalah sebagai kunjungan hormatnya yang pertama, selepas dilantik memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara.

"Apa yang kita tekankan ialah perlunya hubungan di antara pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan dipertingkatkan.

"Hubungan di antara pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan adalah baik, cuma harapan saya supaya ia dapat dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz ketika ditemui bersyukur menerima kunjungan Abdul Halim dan menyifatkannya sebagai petanda baik ke arah merapatkan hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Menurutnya, kerjasama lebih erat di antara kerajaan negeri dan Persekutuan bermula sejak lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok, April tahun lalu.

Beliau menyifatkan kunjungan Ketua Setiausaha Negara itu sebagai jaminan Kerajaan Persekutuan untuk melihat kemajuan masa depan negeri ini.

(END)